



Ruj. Fail Kami: PMR/AA/007

**ARAHAN AMALAN MAHKAMAH RAYUAN
BIL. 2 TAHUN 2008**

PANDUAN PEMFAILAN REKOD RAYUAN

Untuk mengatasi masalah ruang simpanan Rekod-Rekod Rayuan di Mahkamah Rayuan, amalan berikut hendaklah diikuti bagi pemfailan Rekod-Rekod Rayuan di Mahkamah Rayuan:

- 1) Dalam perkara-perkara sivil sahaja-
 - (a) Apabila tiba masanya bagi Perayu/Peguam Perayu untuk memfailkan Rekod Rayuan kepada Mahkamah Rayuan mengikut peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah 18 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994, Perayu/Peguam Perayu dikehendaki memfailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan, 1 (satu) salinan Rekod Rayuan sahaja dahulu;
 - (b) baki salinan Rekod Rayuan seterusnya hendaklah difailkan oleh Perayu/Peguam Perayu 3 (tiga) hari selepas menerima notis perbincangan melalui faks daripada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan untuk Rayuan berkenaan.
- 2) Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil. 2 Tahun 2008 yang mengandungi peruntukkan mengenai helaian jilid dalam Rekod Rayuan [BAHAGIAN II (1) (b) dan BAHAGIAN III (2) (d)] adalah dengan ini di pinda. Jumlah helaian Rekod Rayuan bagi setiap Jilid hendaklah tidak melebihi 100 helaian sejilid.
- 3) Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa untuk Rekod Rayuan yang difailkan pada 1 Januari 2009.

(TAN SRI DATO' SERI ALAUDDIN BIN DATO' MOHD. SHERIFF)
Presiden,
Mahkamah Rayuan Malaysia
Putrajaya

Tarikh: 2 Disember 2008